

**2,169 Cawangan Umno Kedah Layak Mengadakan Mesyuarat
Bernama
13 Julai, 2013**

ALOR SETAR, 13 Julai (Bernama) -- Semua 2,169 cawangan Umno di Kedah layak mengadakan mesyuarat bermula Isnin ini sehingga 30 Ogos depan.

Setiausaha Umno Kedah Datuk Othman Aziz berkata walaupun mereka diberi kebebasan untuk bermesyuarat pada Ramadan atau Syawal, Umno negeri menasihatkan cawangan terbabit tidak menunggu pada saat-saat akhir.

"Sebaiknya mesyuarat itu diadakan segera," katanya kepada Bernama, di sini Sabtu.

Mengenai persidangan peringkat bahagian, beliau berkata perkara itu dijangka diputuskan Majlis Tertinggi dua minggu selepas mesyuarat peringkat cawangan selesai.

Mengulas pemilihan parti tahun ini, beliau berkata antara pembaharuan yang dilaksana ialah anggota yang menyertai Umno kurang daripada tiga tahun tidak layak bertanding untuk sebarang jawatan.

Bagi jawatan peringkat Majlis Tertinggi pula calon yang menawarkan diri perlu memegang jawatan pada peringkat bahagian sekurang-kurangnya selama sepenggal, katanya.

"Syarat-syarat ini antara usaha mentransformasi Umno supaya dilihat lebih telus, selain untuk menghalang perbuatan melobi, cantas mencantas dan sekat menyekat dalam kalangan tokoh-tokoh yang bertanding berebut jawatan," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=963014>